

## Indikator Mengenal Pakej Umrah Palsu



Oleh Kausar Ismat' Anunu  
Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Kolej Profesional Baitulmal KL  
[kausar@kpbkl.edu.my](mailto:kausar@kpbkl.edu.my)

Bermula daripada tahun 2012 sehingga hujung tahun 2019; sebanyak 3,883 kes penipuan pakej umrah telah direkodkan dan melibatkan kerugian berjumlah RM 13,881,752. Ini menunjukkan ramai mangsa yang terjebak dengan penipuan berunsurkan ibadah ini. Perkara berikut perlu diberi perhatian sekiranya anda bercadang untuk membeli pakej umrah:

### 1. Harga pakej di bawah RM 4900.

Harga merupakan faktor yang sering diutamakan dahulu dalam mana-mana pemilihan pakej berbanding reputasi dan servis perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat pelancongan. Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) telah menetapkan bahawa harga lantai bagi pakej umrah standard ekonomi selama 12 hari 10 malam adalah tidak boleh kurang daripada RM4,900. Ini bermakna anda perlu memastikan pakej yang ditawarkan bermula pada harga RM 4,900 dan ke atas. Dalam memilih pakej umrah yang betul perkara-perkara berikut harus anda perhatikan:

- Visa umrah
- Jadual perjalanan
- Tiket penerbangan pergi dan balik
- Jarak dari hotel ke masjid
- Jenis bilik penginapan
- Pengangkutan
- Mutawif
- Skim Takaful Umrah bagi tujuan kecemasan, sakit atau meninggal dunia.

Di samping itu, anda perlu memahami dan menandatangani perjanjian pembelian pakej umrah. Klausula seperti peruntukan ganti rugi atau

bayaran balik sekiranya berlaku pembatalan, caj pembatalan dan terma syarat pakej perlu dinyatakan dalam perjanjian.

## **2. Syarikat tidak berdaftar dan berlesen dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia**

Anda wajib menyemak dahulu latar belakang syarikat dan pengalaman syarikat menguruskan jemaah umrah. Semua syarikat pelancongan yang ingin mengelola pakej umrah perlu mempunyai Lesen Khas Umrah (LKU). Syarikat yang mempunyai LKU ini terbahagi kepada dua kategori. Kategori pertama adalah berstatus Muasassah dan kedua; bukan Muasassah. Syarikat berstatus Muasassah merujuk kepada syarikat yang membuat perjanjian Muasassah dengan pengelola umrah Arab Saudi. Muasassah bertanggungjawab menyediakan tempat penginapan, pengangkutan, bimbingan ibadah umrah/haji dan juga keperluan umum jemaah sepanjang di Tanah Suci. Terdapat 85 syarikat berstatus Muasassah manakala 211 lagi berstatus bukan Muasassah yang berlesen dengan Kementerian Pelancongan. Semakan syarikat ini boleh dibuat di [www.motac.gov.my/arkib/2019/umrah-lku-1440](http://www.motac.gov.my/arkib/2019/umrah-lku-1440). Semakan pengalaman pengurusan jemaah sesebuah syarikat pelancongan boleh dibuat melalui maklumbalas yang diberikan oleh jemaah melalui akaun media sosial syarikat tersebut.

## **3. Menggunakan khidmat orang tengah untuk mengutip bayaran daripada jemaah**

Risiko untuk ditipu amat tinggi apabila pembayaran dibuat kepada wakil syarikat persendirian, koperasi atau yayasan kerana mereka ini tidak dilenkan sebagai pengendali pakej umrah. Pembayaran pakej mestilah dibuat terus ke akaun syarikat pelancongan bukan akaun peribadi ejen atau wakil syarikat. Pastikan resit pembayaran yang diterima dikeluarkan atas nama syarikat pelancongan. Bakal jemaah juga perlu menyimpan resit pembayaran, risalah, brosur dan dokumen berkaitan pakej umrah yang ditawarkan. Dokumen-dokumen ini penting untuk dijadikan sebagai bukti dan rujukan sekiranya timbul masalah di masa hadapan.

Pengguna yang mendapati dirinya ditipu oleh syarikat pelancongan boleh memfailkan tuntutan ganti rugi terhadap syarikat pelancongan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM). Jumlah ganti rugi yang boleh dituntut adalah tidak melebihi RM 50,000. Tuntutan mestilah difailkan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh berlaku penipuan tersebut. Kos untuk memfailkan tuntutan di TTPM adalah sebanyak RM 5 sahaja dan tidak perlu diwakili oleh peguam. Sepanjang perbicaraan kes di TTPM, penuntut mestilah mengemukakan

dokumen yang diperoleh daripada syarikat seperti resit pembayaran, brosur pakej sebagai bukti bahkan boleh membawa saksi untuk menyokong kes masing-masing. Tuntutan akan diselesaikan dalam tempoh 40 hari selepas pemfailan tuntutan dilakukan. Justeru, melalui indikator ini, kita dapat mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan pakej umrah dan serta berpeluang untuk menebus kerugian yang dialami melalui TTPM.